

04 JUL 1999

SHAHNON SEPATUTNYA MOHON MAAF LEBIH AWAL UNTUK BUKTI KEIKHLASAN

MUAR, 4 Julai (Bernama) -- Pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata Prof Datuk Shahnnon Ahmad sepatutnya telah memohon maaf awal-awal lagi kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mencercanya dalam novel "Shit" bagi membuktikan keikhlasannya.

Ketika mengulas tindakan Shahnnon di Alor Setar semalam untuk memohon maaf secara terbuka kerana mencaci dan menghina Perdana Menteri dalam novelnya itu, Hishammuddin berkata permohonan maaf Shahnnon itu tidak ikhlas kerana ia dibuat setelah banyak pihak membantah.

"Pendirian Pemuda adalah jelas (iaitu) sesiapa yang memburuk-burukkan pemimpin negara dianggap sebagai musuh parti yang mesti ditentang," katanya.

Hishammuddin memuji anggota Pemuda Umno yang menunjukkan kesabaran dan kesungguhan dalam menangani isu-isu semasa yang melanda negara.

Beliau dan anggota exco Pemuda akan melwat semua negeri untuk menemui pemimpin di peringkat bahagian bagi meninjau persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum.

-- BERNAMA

SO MAI